

# Hutan Simpan UPM

## pusat rujukan R&D



**SULTAN Sharafuddin Idris Shah menandatangani plak perasmian SISFEC sambil diperhatikan Prof Radin Umar (tengah) dan Mohamed Khaled di Hutan Simpan Ayer Hitam Puchong.**

**Oleh Khairina Yasin**

*kayrina@bharian.com.my*

**P**UCHONG: Universiti Putra Malaysia (UPM) yakin mampu menjadikan Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong sebagai pusat rujukan perhutanan tropika tersohor di rantau antarabangsa.

Keyakinan itu bersandarkan kejayaan UPM menjadikan hutan berkenaan Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC) sebagai pelengkap usaha dan aktiviti pembelajaran serta penyelidikan sektor perhutanan negara.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ir Radin Umar Radin Sohadi, berkata SISFEC menyediakan pendekatan penyelidikan dan pembangunan bercorak bersepadu merangkumi pelbagai disiplin perhutanan.

Katanya, pusat berkenaan terbuka kepada aktiviti penyelidikan berkaitan asas atau operasi, kajian untuk abiotik, biotik, sosial, ekonomi, pengurusan taman rekreasi dan ekoplancongan.

"Dengan kemudahan penginapan, capaian internet dan makmal, SISFEC membuka peluang kepada penyelidik tempatan mahupun luar negara

melakukan aktiviti penyelidikan di hutan berkenaan.

"Setakat ini, sejumlah 50 jurnal dan lima judul buku berkaitan penyelidikan di Hutan Simpan Ayer Hitam berjaya diterbitkan dan 52 projek penyelidikan peringkat doktor falsafah (PhD), sarjana dan ijazah sarjana muda dihasilkan," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian SISFEC yang disempurnakan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi selaku Penasihat Landskap Malaysia.

Beliau berkata, mahasiswa perhutanan UPM turut mendapat manfaat SISFEC yang menyediakan pendekatan *experimental learning* menerusi latihan amal secara individu mahupun berkumpulan dalam situasi pembelajaran berpusatkan pelajar.

Sesuai dengan fungsinya sebagai makmal luar, katanya, mahasiswa berpeluang mendalami pengetahuan dan kemahiran termasuk mengecam pokok dan daun, sains tanah, inventori pokok, ekologi dan hidupan liar.

"Kita yakin SISFEC bakal menjadi mercu tanda dan komitmen semua pihak dalam memelihara khazanah hutan yang tidak ternilai untuk kepentingan generasi dan kelestarian alam sekitar akan datang," katanya.



• ROSLIN MAT TA

**MASHITAH di dalam lawata**